



Sultan Nazrin Shah berkenan bergambar bersama Perdana Menteri pada sesi menghadap di Istana Kinta, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sultan Perak berkenan menerima menghadap Perdana Menteri

BH - 3/12/2022 m/s: 7

Ipoh: Sultan Perak, Sultan Nazrin Shah, semalam berkenan menerima menghadap Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Istana Kinta, di sini.

Sesi bermula kira-kira jam 10.50 pagi dan pertemuan itu berlangsung sekitar sejam, selepas kenderaan Proton Perdana membawa Ahli Parlimen Tambun berkenaan dilihat keluar dari pekarangan istana pada jam 12 tengah hari.

Ini sesi menghadap Sultan Nazrin yang pertama buat

Anwar sejak beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10 pada 24 November lalu, selepas berjaya membentuk kerajaan diterajui Pakatan Harapan (PH) bersama sokongan beberapa blok parti lain.

Selepas sesi menghadap, Pengerusi PH itu mengadakan tinjauan mesra di Pasar Awam Tanjung Rambutan, menunaikan solat Jumaat serta menghadiri kenduri rakyat di Masjid Muhammad Al Fateh, Taman Jati, sebelum berlepas pulang ke ibu negara. BERNAMA